

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
ARAS 2-7, BLOK K, PUSAT BANDAR DAMANSARA
50782 KUALA LUMPUR**

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2094 0892

Rujukan Kami : KPKT(02) 799/6 Klt.9(9)

Tarikh : 14 Oktober 2009

**PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BILANGAN 7 TAHUN 2009**

**PENAMBAHBAIKAN URUSAN RUNDINGAN BAGI
PROJEK PEMBANGUNAN JABATAN KERJA RAYA (JKR)**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai Penambahbaikan Urusan Rundingan Bagi Projek Pembangunan Jabatan Kerja Raya (JKR).

LATAR BELAKANG

2. Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) menghendaki setiap jabatan atau agensi Kerajaan berunding dengan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) berkenaan aktiviti pemajuan yang hendak dijalankannya. Ini adalah bagi membolehkan PBN mengambil maklum berkenaan dengan projek pembangunan yang hendak

dilaksanakan dan mengelakkan kemungkinan pemajuan berkenaan terkeluar daripada perancangan dan seterusnya menyulitkan kerja-kerja penyelarasan pembangunan fizikal di kawasan tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-62 (MNKT Ke-62) pada **17 September 2009** telah bersetuju dengan penambahbaikan urusan mendapatkan kelulusan kebenaran **merancang secara rundingan** dengan pihak JPN di bawah peruntukan seksyen 20A, Akta 172 bagi projek-projek Kerajaan yang diurus dan diselia oleh JKR.

TINDAKAN OLEH PBT

4. Bagi melaksanakan keputusan tersebut di atas, setiap PBN dan PBT hendaklah melaksanakan proses urusan rundingan dengan JPN seperti carta di **Lampiran 1**. Melalui proses perundingan ini, aktiviti-aktiviti pemajuan akan mendapat perhatian PBN selaras dengan dasar semasa negeri berkenaan dan PBT hendaklah dimaklumkan mengenainya. Proses rundingan ini berupaya memendekkan tempoh mendapat kelulusan kebenaran merancang sekaligus membolehkan projek-projek pembangunan yang diselia oleh JKR dilaksanakan dengan segera.

5. Walau bagaimanapun, proses rundingan di bawah seksyen 20A, Akta 172 tidak terpakai bagi Wilayah Persekutuan memandangkan JPN tidak wujud di Wilayah Persekutuan. Sehubungan dengannya amalan mengikut proses kebenaran merancang yang sedia ada sekarang akan terus digunakan.

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PERTANYAAN

7. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Jalan Cenderasari
50646 Kuala Lumpur
(u.p.: Bahagian Perundangan Dan Kawal Selia Perancangan)
No. Telefon : 03-2698 9211 / 2273 3326
No. Fax : 03-2273 3325

PENUTUP

8. Pemakaian peruntukan pekeliling ini dipanjangkan kepada semua PBN dan PBT.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"



(DATO' AHMAD BIN HJ. KABIT)

Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

14 Oktober 2009


Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

**Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan**

**Ketua Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Kementerian Kerja Raya**

CARTA ALIR URUSAN RUNDINGAN DENGAN JPN BAGI PROJEK-PROJEK KERAJAAN YANG DIURUS DAN DISELIA OLEH JKR



Nota :

- i. Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) negeri selaku Setiausaha JPN setelah menerima senarai projek daripada pihak JKR, hendaklah mengadakan rundingan dalam tempoh tidak melebihi 14 hari.
- ii. JKR hendaklah mengemukakan **surat aku janji** (*letter of undertaking*) kepada JPN apabila projek hendak dilaksanakan.

KEAHLIAN JAWATANKUASA TEKNIKAL JPN

Pengerusi :	Pengarah JPBD Negeri
Urus setia :	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri
Ahli :	Datuk Bandar/Yang Dipertua PBT berkaitan
	Pengarah Pejabat Tanah dan Galian/Pentadbir Tanah Daerah
	Pengarah Jabatan Kerja Raya
	Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran
	Pengarah Jabatan Alam Sekitar
	Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
	Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains
	Pengurus Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
	Pengurus Besar Indah Water Konsortium (IWK)
	Pengurus Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal
	Jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan akan dijemput dari semasa ke semasa.
	Badan Berkuala Air Negeri.